

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG**  
**(KOTA SAMARAHAN)**

**TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**PUAN RUBIAH BINTI HAJI AWANG ( KOTA SAMARAHAN) minta**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT menyatakan kejayaan program-program meningkatkan**  
**pendapatan isi rumah miskin dan statistik kejayaan di Kota Samarahan.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) komited dalam usaha membantu golongan miskin yang kurang berkemampuan. Bantuan yang diberikan tidak hanya tertumpu kepada bantuan kewangan sahaja, tetapi juga meliputi pemberian bantuan Geran Pelancaran kepada kumpulan sasar jabatan. Bantuan ini adalah berbentuk bantuan peralatan disertai dengan khidmat nasihat/ bimbingan agar mereka mampu menjana pendapatan sendiri atau menambah pendapatan isi rumah.

Di Kota Samarahan, bantuan Geran Pelancaran diberikan dengan menggunakan peruntukan di bawah kerajaan Negeri Sarawak. Sejak tahun 2009 sehingga tahun 2015, sejumlah RM686,750 telah disalurkan kepada 187 orang penerima sebagai modal permulaan untuk memulakan perniagaan. Statistik penerima bantuan Geran Pelancaran yang telah berjaya dan berdikari dengan menjana pendapatan sebanyak RM1,200 sebulan adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN</b>
2014	10 orang
2015	14 orang
2016	10 orang (anggaran)

Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah, KPWKM selaku peneraju telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu golongan berpendapatan rendah keluar daripada kepompong kemiskinan menerusi Program 1AZAM.

Bagi tempoh Januari 2010 hingga 31 Disember 2015, Program 1AZAM telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan sejumlah 190,799 orang dari seluruh negara. Daripada jumlah 190,799 orang peserta tersebut, terdapat seramai 15,904 orang (15%) peserta 1AZAM daripada bulan Januari hingga Disember 2012 telah berjaya meningkatkan pendapatan keluarga hingga melepasi Paras Garis Kemiskinan (PGK) manakala seramai 7,936 orang (7.31%) peserta Program 1AZAM (AZAM Niaga dan Khidmat) KPWKM telah meningkatkan pendapatan keluarga melebihi RM200. Manakala bagi tahun 2013 sehingga 31 Disember 2015, terdapat seramai 49,420 orang

(61%) peserta Program 1AZAM telah meningkatkan pendapatan keluarga melebihi RM300.

Daripada jumlah peserta berjaya tersebut, sejumlah **1,430** orang peserta bagi seluruh Negeri Sarawak telah berjaya meningkatkan pendapatan bagi tempoh yang sama. Daripada jumlah tersebut, seramai **92** orang (**6.43%**) adalah lelaki dan **1,338** (**93.57%**) adalah wanita. Bagi Kota Samarahan pula, terdapat seramai **109** peserta berjaya meningkatkan pendapatan bulanan sebanyak RM300 dan kesemuanya adalah peserta wanita. Hal ini menunjukkan bahawa Program 1AZAM berjaya mengeluarkan golongan berpendapatan rendah dari kepompong kemiskinan selaras dengan konsep kebajikan produktif yang diuar-uarkan oleh Kementerian.

Di samping itu, berdasarkan kepada Analisis Impak Peserta Program 1AZAM yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian, didapati bahawa Program 1AZAM (Niaga dan Khidmat) KPWKM telah mencapai matlamat utama program tersebut iaitu untuk meningkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah serta mengubah daya pemikiran peserta untuk menjadi lebih berdikari.